



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

SIARAN MEDIA

**KPWKM TERIMA SUMBANGAN RM150 RIBU
BAGI PROGRAM KEMBARA PRIHATIN NEGARA**

PUTRAJAYA, 19 FEB – Menyedari permasalahan masyarakat yang terkesan akibat COVID-19, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berbesar hati menerima sumbangan tambahan daripada Syarikat Mamee Double-Decker (M) Sdn. Bhd. berjumlah RM150 ribu bagi program Kembara Prihatin Negara (KPN).

Menurut Datuk Seri Rina, melalui 'corporate share value' daripada Syarikat Mamee Double Decker (M) Sdn. Bhd., pihak KPWKM telah menerima sumbangan barangan keperluan berjumlah RM300 ribu pada awal Program Kembara Prihatin Negara yang telah dilaksanakan bermula pada November 2020. Sumbangan yang diterima akan digunakan bagi membantu dan menyantuni rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

KPN yang telah dilaksanakan bermula pada 1 November 2020 merupakan inisiatif Kementerian bagi menyantuni rakyat yang terkesan susulan daripada pandemik COVID-19 disamping menyebarkan luas perkhidmatan dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat. Selain itu, KPN juga bertujuan untuk meningkatkan kolaborasi strategik antara KPWKM, agensi di bawahnya bersama syarikat-syarikat, badan-badan Korporat serta komuniti setempat.

Sumbangan telah disampaikan oleh Encik Ahmad Syukry Ibrahim, Penolong Pengarah Hal Ehwal Islam dan Hubungan Kerajaan, Mamee Double Decker (M) Sdn. Bhd. kepada YB Datuk Seri Rina Binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di Bangunan KPWKM, Putrajaya hari ini.

Hadir sama YBrs. Dr. Hishamuddin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik KPWKM, merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Puan Fatimah Zuraidah Salleh, Timbalan Keua Pengarah Operasi, Jabatan Kebajikan Masyarakat merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan Pengurusan Tertinggi KPWKM.

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN dalam membantu golongan yang memerlukan. **Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

Nama Akaun	Yayasan Kebajikan Negara Malaysia	
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Bank Berhad
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284

Disediakan oleh:
Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara
Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
03-8323 2437/2420